LATIHAN PEMAHAMAN PETIKAN TINGKATAN 1

Arahan: Baca 2 petikan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya.

3 *Baca petikan-petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Petikan 1

"Aku akan menyuruh Abang Rahim membuat model masjid daripada kayu-kayu yang bermutu tinggi," kata Rashid dengan megahnya. Pada matanya terbayang sebuah model masjid yang cantik dan berkilat.

"Kau nak berikan benda itu kepada siapa?" tanya Zaiton.

"Kepada Cikgu Firdauslah. Bukankah dia akan berkahwin pada bulan depan?" kata Rashid dengan yakin.

"Masjid bukankah lambang pernikahan yang diberkati dan direstui," jawab Rashid pula.

"Engkau, Hashim?" tanya Hamidah kepada Hashim.

"Aku nak beli tuala muka yang istimewa buat Ustazah Salma. Aku sayang akan Ustazah Salma. Dia tak pernah marah kepada aku," jawab Hashim dengan senyum lebar.

"Kau pula Zizah, bagaimana? Asyik diam saja dari tadi, sepatah kata pun tak cakap," kata Hamidah kepada Azizah.

Azizah terdiam, fikirannya buntu. Dia terfikir bahawa dia tiada wang untuk membeli hadiah buat guru kesayangannya, Cikgu Zaleha. Dia orang miskin. Bapanya hanyalah seorang penarik beca, manakala emaknya yang cacat sebelah kaki itu, mengambil upah menganyam tikar mengkuang. Dia tidak ada duit atau modal untuk menyediakan hadiah pada Hari Guru nanti. Hatinya menjadi risau dan sedih.

Dipetik daripada cerpen 'Hadiah (... atas kejayaan para guru menghasilkan Aku)',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1
Kementerian Pendidikan Malaysia

Petikan 2

Bersama ulam tersebut terdapat sepucuk surat. Cikgu Fatimah segera membuka surat tersebut dan membacanya.

Tidak ada barang-barang yang berharga yang dapat saya hadiahkan kepada cikgu sempena Hari Guru pada tahun ini, selain daripada daun-daun yang dapat saya cari di kampung saya. Daun ulam itulah yang selalu saya berikan kepada cikgu selama ini. Saya tahu cikgu suka makan, makanan tradisi kita.

Saya orang miskin, cikgu. Ibu saya sedang sakit. Ayah saya telah lama meninggal. Semalam bila saya minta hadiah daripada ibu saya, dia menangis. Kami tidak dapat beri barang-barang yang berharga untuk cikgu, sedangkan cikgu sangat baik pada saya. Budi dan jasa cikgu tak dapat saya balas. Emak saya hanya dapat mengirimkan salam kepada cikgu. Terimalah hadiah yang ikhlas dan jujur daripada saya, yang tidak berharga itu. Itulah saja yang dapat saya hadiahkan kepada cikgu. Maafkan saya, cikgu. – Ramli

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen 'Hadiah Hari Guru',
Rejab F. I., Dewan Bahasa dan Pustaka

LIVEWORKSHEETS

1. **Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2 apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh Azizah dan Ramli?**	
Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2 , masalah yang dihadapi oleh Azizah dan Ramli ialah mereka tidak mampu _____ hadiah kepada _____kesayangan mereka sempena Sambutan Hari Guru. Selain itu mereka juga tidak ada wang untuk menyediakan hadiah _____masing-masing berasal _____keluarga yang miskin.	**daripada** **guru** **kerana** **memberikan**
2. Nyatakan 2 latar masyarakat yang sama yang terdapat dalam kedua-dua petikan tersebut.	
Antara 2 latar masyarakat yang sama dalam Petikan 1 dan Petikan 2 ialah masyarakat murid sekolah yang _____ guru mereka. Contohnya Azizah dan Ramli memberikan hadiah kepada guru mereka. Selain itu masyarakat yang _____. Contohnya bapa Azizah seorang penarik beca dan ibunya hanya menganyam tikar mengkuang manakala Ramli pula anak yatim dan dalam jagaan ibunya.	**menghargai jasa** **hidup miskin**
3. Pada pendapat anda, apakah cara yang boleh kita lakukan untuk membalas jasa guru?	
Pada pendapat saya cara untuk membalas jasa guru ialah kita perlu _____ ilmu sehingga berjaya. Selain itu kita mestilah _____ guru. Kita juga boleh _____ kesejahteraan guru. Malah kita harus _____ kata-kata guru .	**mendengar** **menghormati** **mendoakan** **menuntut**

LIVEWORKSHEETS